

**STRATEGI DAYA TINDAK
DALAM KALANGAN IBU TUNGGAL
ETNIK CINA DI KUCHING, SARAWAK
UNTUK MENANGANI CABARAN KEHIDUPAN**

IRENE CHEING SING SING

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2025

**STRATEGI DAYA TINDAK
DALAM KALANGAN IBU TUNGGAL
ETNIK CINA DI KUCHING, SARAWAK
UNTUK MENANGANI CABARAN KEHIDUPAN**

oleh

IRENE CHEING SING SING

**Tesis ini diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Sarjana Sains Kemasyarakatan**

Februari 2025

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Tuhan Yang Maha Esa kerana dengan limpah dan kurnianya, saya dapat menyelesaikan kajian ini dengan jayanya dalam tempoh yang telah ditetapkan. Semua ini tidak mungkin tercapai tanpa pertolongan-Nya. Saya juga bersyukur kerana segala cabaran yang timbul sepanjang proses kajian ini dapat diatasi dengan baik.

Saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Masarah Mohamad Yusof selaku penyelia utama dan Profesor Dr. Azlinda Azman sebagai penyelia bersama, yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan bimbingan sepanjang proses kajian ini. Sumbangan mereka dalam memberikan dorongan, ilmu pengetahuan, dan masa yang berharga sejak penyediaan kertas cadangan hingga penyiapan kajian ini amat saya hargai. Kesabaran mereka dalam membimbing saya, terutamanya di saat-saat sukar, memberi saya kekuatan untuk terus maju. Semoga Tuhan memberkati mereka berdua atas segala ilmu yang telah dikongsi.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ibu saya yang sentiasa memberi sokongan dan motivasi yang tidak putus-putus sepanjang saya menjalankan kajian ini. Tanpa dorongan beliau, saya tidak akan mampu menghadapi segala cabaran yang datang.

Seterusnya, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Persatuan Keluarga Ibu Tunggal yang telah banyak membantu dalam mendapatkan sampel kajian. Terima kasih juga diucapkan kepada semua informan yang terlibat dalam kajian ini atas kerjasama dan kesediaan mereka untuk berkongsi pengalaman, yang sangat berharga dalam proses pengumpulan data.

JADUAL KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	ii
JADUAL KANDUNGAN.....	iii
SENARAI JADUAL.....	xi
SENARAI RAJAH.....	xiii
SENARAI SINGKATAN.....	xiv
ABSTRAK.....	xvi
ABSTRACT.....	xviii
BAB 1 PENGENALAN.....	1
1.1 Pendahuluan.....	1
1.2 Pernyataan Masalah.....	6
1.3 Persoalan Kajian.....	9
1.4 Objektif Kajian.....	9
1.5 Signifikan Kajian.....	10
1.5.1 Praktis Kerja Sosial.....	10
1.5.2 Golongan Sasaran.....	11
1.5.3 Pembentukan Polisi.....	12
1.5.4 Masyarakat.....	13
1.6 Rumusan.....	13
BAB 2 TINJAUAN LITERATUR.....	16
2.1 Pendahuluan.....	16
2.2 Kesejahteraan Hidup Ibu Tunggal.....	16
2.3 Bentuk Cabaran yang dihadapi oleh Ibu Tunggal.....	18
2.3.1 Cabaran Ekonomi.....	18

2.3.2	Cabaran Penjagaan Utama Anak.....	19
2.3.3	Cabaran Tuntutan Nafkah.....	20
2.3.4	Cabaran Tekanan Perasaan.....	21
2.4	Kesan Cabaran yang Dihadapi oleh Ibu Tunggal terhadap Kesejahteraan Hidup Mereka.....	22
2.4.1	Cabaran Ekonomi.....	22
2.4.2	Cabaran Penjagaan Utama Anak.....	23
2.4.3	Cabaran Tuntutan Nafkah.....	24
2.4.4	Cabaran Tekanan Perasaan.....	25
2.5	Strategi Daya Tindak Ibu Tunggal untuk Mengatasi Cabaran Kehidupan	26
2.5.1	Tindakan Ekonomi dan Sosial.....	26
2.5.2	Strategi Pengurusan dan Sokongan.....	27
2.5.3	Sokongan Sosial dan Emosi.....	27
2.5.4	Pengurusan Kewangan dan Kesihatan Mental.....	28
2.5.5	Peranan Masyarakat.....	28
2.6	Bentuk Intervensi Praktis Kerja Sosial.....	29
2.7	Langkah untuk Membantu Ibu Tunggal.....	30
2.7.1	Bantuan Kewangan / Bantuan Modal.....	31
2.7.2	Pengetahuan dan Kemahiran.....	33
2.7.3	Galakan Penyertaan dalam Persatuan.....	35
2.7.4	Pusat Kaunseling	36
2.7.5	Kesedaran Undang-Undang.....	36
2.8	Kerangka Teoritikal.....	36
2.8.1	Teori Peranan.....	37

2.8.2	Teori Sistem.....	51
2.8.3	Teori Keperluan.....	54
2.8.3(a)	Keperluan Fisiologi.....	54
2.8.3(b)	Keperluan Kasih Sayang.....	54
2.8.3(c)	Keperluan Penghargaan Kendiri.....	55
2.8.4	Teori Ketahanan.....	56
2.9	Model Daya Tindak.....	58
2.9.1	Strategi Daya Tindak Berfokuskan Emosi.....	58
2.9.1(a)	Strategi Sokongan Sosial.....	59
2.9.1(b)	Strategi Kawalan Kendiri.....	59
2.9.1(c)	Strategi Penilaian Semula Kognitif.....	59
2.9.1(d)	Strategi Pengelakan.....	60
2.9.2	Strategi Daya Tindak Berfokuskan Masalah.....	60
2.9.2(a)	Konfrantasi.....	60
2.9.2(b)	Penyelesaian Masalah Terancang.....	61
2.10	Model Resiliensi dari Stres, Penyesuaian dan Adaptasi Keluarga.....	61
2.10.1	Tekanan dan Penyesuaian Keluarga.....	62
2.10.2	Sumber Dalaman dan Luaran.....	63
2.10.3	Fasa Penyesuaian dan Adaptasi.....	63
2.11	Kerangka Konseptual.....	65
2.12	Definisi Konsep.....	68
2.12.1	Cabaran.....	69
2.12.2	Kesan.....	71
2.12.3	Strategi Daya Tindak.....	72

2.12.4	Ibu Tunggal.....	73
2.12.5	Kesejahteraan Hidup.....	75
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN.....		77
3.1	Pendahuluan.....	77
3.2	Reka Bentuk Kajian.....	78
3.3	Lokasi Kajian.....	79
3.4	Populasi.....	81
3.5	Teknik Persampelan.....	82
3.6	Instrumen Kajian.....	83
3.6.1	Panduan Soalan Temu Bual.....	84
3.6.2	Pita Rakaman.....	85
3.6.3	Rujukan Ilmiah (Jurnal dan Artikel).....	85
3.6.4	Peranan Pengkaji.....	85
3.7	Kaedah Pengumpulan Data.....	86
3.8	Kaedah Analisis Data.....	87
3.9	Kajian Rintis.....	88
3.10	Kesahan dan Kebolehpercayaan.....	89
3.10.1	Kredibiliti.....	89
3.10.2	Kebolehpindahan (<i>Transferability</i>).....	90
3.10.3	Kesahihan (<i>Confirmability</i>).....	90
BAB 4 DAPATAN KAJIAN.....		92
4.1	Pendahuluan.....	92
4.2	Demografi Informan.....	93
4.2.1	Kelayakan Akademik.....	95
4.2.2	Pekerjaan.....	96

4.2.3	Umur Ketika Menjadi Ibu Tunggal.....	97
4.2.4	Tempoh Menjadi Ibu Tunggal.....	99
4.2.5	Punca Kehilangan Suami.....	100
4.2.6	Bilangan Anak.....	101
4.3	Profil Informan Kajian.....	102
4.4	Objektif Kajian Pertama: Mengenal Pasti Bentuk Cabaran Yang Dihadapi Oleh Ibu Tunggal Etnik Cina di Kuching, Sarawak	107
4.4.1	Cabaran Ekonomi.....	107
4.4.2	Cabaran Penjagaan Anak.....	111
4.4.3	Cabaran Stigma Sosial.....	119
4.4.4	Cabaran Tekanan Emosi.....	124
4.4.5	Rumusan Objektif Kajian Pertama.....	129
4.5	Objektif Kajian Kedua: Menganalisis Kesan Cabaran Tersebut Terhadap Kesejahteraan Hidup Ibu Tunggal Etnik Cina di Kuching, Sarawak	130
4.5.1	Kesan Ekonomi.....	131
4.5.2	Kesan terhadap Masa dan Hubungan dengan Anak.....	134
4.5.3	Kesan Tekanan Emosi.....	137
4.5.4	Rumusan Objektif Kajian Kedua.....	141
4.6	Objektif Kajian Ketiga: Menganalisis Bentuk Strategi Daya Tindak Yang Digunakan oleh Ibu Tunggal Etnik Cina di Kuching, Sarawak Untuk Mengatasi Cabaran Kehidupan	142
4.6.1	Sokongan Sosial.....	143
4.6.2	Kepercayaan kepada Tuhan.....	146
4.6.3	Pendekatan Doa.....	150

4.6.4	Pengelakan Memikir Masalah.....	155
4.6.5	Berdepan dengan Masalah.....	157
4.6.6	Rumusan Objektif Kajian Ketiga.....	161
4.7	Rumusan Keseluruhan Hasil Kajian.....	162
BAB 5 PERBINCANGAN KAJIAN.....		166
5.1	Pendahuluan.....	166
5.2	Demografi Ibu Tunggal.....	168
5.2.1	Kelayakan Akademik.....	168
5.2.2	Pekerjaan.....	169
5.2.3	Umur Ketika Menjadi Ibu Tunggal.....	170
5.2.4	Tempoh Menjadi Ibu Tunggal.....	170
5.2.5	Punca Kehilangan Suami.....	171
5.2.6	Bilangan Anak.....	171
5.3	Objektif Kajian Pertama: Mengenal Pasti Bentuk Cabaran Yang Dihadapi Oleh Ibu Tunggal Etnik Cina di Kuching, Sarawak.....	172
5.3.1	Cabaran Ekonomi.....	172
5.3.2	Cabaran Penjagaan Anak.....	175
5.3.3	Cabaran Stigma Sosial.....	178
5.3.4	Cabaran Tekanan Emosi.....	181
5.4	Objektif Kajian Kedua: Menganalisis Kesan Cabaran Tersebut Terhadap Kesejahteraan Hidup Ibu Tunggal Etnik Cina di Kuching, Sarawak	183
5.4.1	Kesan Ekonomi.....	183
5.4.2	Kesan Terhadap Masa dan Hubungan dengan Anak.....	185
5.4.3	Kesan Tekanan Emosi.....	187

5.5	Objektif Kajian Ketiga: Menganalisis Bentuk Strategi Daya Tindak Yang Digunakan Oleh Ibu Tunggal Etnik Cina di Kuching, Sarawak untuk Mengatasi Cabaran Kehidupan	189
5.5.1	Sokongan Sosial.....	189
5.5.2	Kepercayaan kepada Tuhan.....	191
5.5.3	Pendekatan Doa.....	193
5.5.4	Pengelakan Memikir Masalah.....	194
5.5.5	Berdepan dengan Masalah.....	197
5.6	Objektif Kajian Keempat: Mencadangkan Bentuk Intervensi Kerja Sosial Untuk Meningkatkan Kesejahteraan Hidup Ibu Tunggal Etnik Cina di Kuching, Sarawak	200
5.6.1	Intervensi Individu.....	201
5.6.2	Intervensi Kumpulan.....	203
5.6.3	Intervensi Komuniti.....	204
5.7	Implikasi Kajian.....	208
5.7.1	Implikasi kepada Praktis Kerja Sosial.....	208
5.7.2	Implikasi kepada Golongan Sasar (Ibu Tunggal).....	208
5.7.3	Implikasi kepada Akta / Dasar.....	209
5.8	Cadangan Kajian Masa Depan.....	209
2.8.1	Memperluas Skop Kaum.....	210
2.8.2	Memperluas Skop Geografi.....	210
5.9	Limitasi Kajian dan Cadangan Penambahbaikan.....	211
5.9.1	Kesukaran Mencari Informan dalam Tempoh Masa Singkat.....	211

5.9.2	Isu Waktu Temu Bual yang Bercangah dengan Waktu Bekerja.....	212
5.10	Kesimpulan Kajian.....	212
	SENARAI RUJUKAN.....	215

SENARAI JADUAL

		Halaman
Jadual 4.1	Petikan Hasil Temu Bual Bersama dengan Informan (Cabaran Ekonomi).....	108
Jadual 4.2	Petikan Hasil Temu Bual Bersama dengan Informan (Cabaran Penjagaan Anak).....	112
Jadual 4.3	Petikan Hasil Temu Bual Bersama dengan Informan (Cabaran Stigma Sosial).....	120
Jadual 4.4	Petikan Hasil Temu Bual Bersama dengan Informan (Cabaran Tekanan Emosi).....	124
Jadual 4.5	Petikan Hasil Temu Bual Bersama dengan Informan (Kesan Ekonomi).....	131
Jadual 4.6	Petikan Hasil Temu Bual Bersama dengan Informan (Kesan terhadap Masa dan Hubungan dengan Anak).....	135
Jadual 4.7	Petikan Hasil Temu Bual Bersama dengan Informan (Kesan Tekanan Emosi).....	138
Jadual 4.8	Petikan Hasil Temu Bual Bersama dengan Informan (Sokongan Sosial).....	143
Jadual 4.9	Petikan Hasil Temu Bual Bersama dengan Informan (Kepercayaan kepada Tuhan).....	146
Jadual 4.10	Petikan Hasil Temu Bual Bersama dengan Informan (Pendekatan Doa).....	151

Jadual 4.11	Petikan Hasil Temu Bual Bersama dengan Informan (Pengelakan Memikir Masalah).....	155
Jadual 4.12	Petikan Hasil Temu Bual Bersama dengan Informan (Berdepan dengan Masalah).....	158
Jadual 4.13	Rumusan Keseluruhan Hasil Kajian.....	164

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1 Model Resiliensi Dari Stres, Penyesuaian dan Adaptasi Tekanan Keluarga yang diasaskan oleh McCubbin, Thompson dan McCubbin	65
Rajah 2.2 Kerangka Konseptual Kajian.....	68
Rajah 4.1 Kelayakan Akademik.....	96
Rajah 4.2 Pekerjaan.....	97
Rajah 4.3 Umur Ketika Menjadi Ibu Tunggal.....	98
Rajah 4.4 Tempoh Menjadi Ibu Tunggal.....	99
Rajah 4.5 Punca Kehilangan Suami.....	100
Rajah 4.6 Bilangan Anak.....	101
Rajah 4.7 Rumusan Objektif Kajian Pertama.....	130
Rajah 4.8 Rumusan Objektif Kajian Kedua.....	142
Rajah 4.9 Rumusan Objektif Kajian Ketiga.....	162
Rajah 5.1 Model Intervensi Kerja Sosial untuk Meningkatkan Kesejahteraan Hidup Ibu Tunggal Etnik Cina di Kuching, Sarawak	207

SENARAI SINGKATAN

AIM	Amanah Ikhtiar Malaysia
BKK	Bantuan Kanak-Kanak
CEDAW	<i>Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women</i>
CSSC	<i>Community Social Support Centre</i>
DWN	Dasar Wanita Negara
GP	Geran Pelancaran
JKMS	Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak
JKSM	Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
JWKS	Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak
KATSN	Persatuan Kebajikan dan Pembangunan Bakat Insan Istimewa Kuching
KPDN	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
KPI	<i>Key Performance Indicator</i>
KPWK	Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti
KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
MDEC	<i>Malaysia Digital Economy Corporation</i>
MKN	Majlis Keselamatan Negara
MRP	Projek Kecil Luar Bandar
NACIWID	Majlis Penasihat Kebangsaan Mengenai Integrasi Wanita Dalam Pembangunan (<i>National Advisory Council on the Integration of Women in Development</i>)

NGO	Badan Bukan Kerajaan
PCDS 2030	Pembangunan Pasca COVID-19 2030
PERDA	Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang
PERKESO	Pertubuhan Keselamatan Sosial
PITS	Persatuan Ibu Tunggal Sarawak
PITWITS	Persatuan Ibu Tunggal Wilayah Tengah Sarawak
PKIT	Persatuan Keluarga Ibu Tunggal
PKITK	Persatuan Kebajikan Ibu Tunggal Kuching
PKS	Perusahaan Kecil dan Sederhana
PMKS	Perusahaan Mikro, Kecil, dan Sederhana
PMR	Penilaian Menengah Rendah
PTPTN	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
PUWas	Program Pelesenan Perniagaan Usahawan Wanita Sarawak
RMK-13	Rancangan Malaysia Ke-13
SKSSR	Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah
SPKR	Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SRB	Suri Rumah Bekerja
STIE	Program Ruang Reka Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi
STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
SUHAKAM	Suruhanjaya Hak Asasi Malaysia
TASKA	Taman Asuhan Kanak-Kanak
TASKOM	Insentif Taska Komuniti
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
VOP	Variasi Harga

STRATEGI DAYA TINDAK DALAM KALANGAN IBU TUNGGAL

ETNIK CINA DI KUCHING, SARAWAK

UNTUK MENANGANI CABARAN KEHIDUPAN

ABSTRAK

Ibu tunggal menghadapi pelbagai cabaran selepas kehilangan suami, sama ada akibat kematian atau perceraian, yang berpotensi menjejaskan kelangsungan hidup dan kesejahteraan sosial mereka. Kajian ini bertujuan mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh ibu tunggal etnik Cina di Kuching, Sarawak; menganalisis kesan cabaran tersebut terhadap kesejahteraan mereka; meneliti strategi daya tindak yang digunakan untuk mengatasi kesukaran hidup, serta mencadangkan intervensi kerja sosial yang sesuai. Kajian ini menggunakan teknik persampelan bertujuan dengan kriteria penyertaan yang melibatkan ibu tunggal yang aktif dalam Persatuan Keluarga Ibu Tunggal, warganegara Malaysia, dan masih menyara anak di bawah umur 18 tahun. Temu bual separa berstruktur dilaksanakan dengan panduan soalan serta penggunaan perakam suara elektronik bagi memastikan ketepatan data yang dikumpul. Pendekatan teori peranan, teori sistem, teori keperluan, dan teori ketahanan digunakan untuk membincangkan isu-isu berkaitan ibu tunggal secara menyeluruh, disokong oleh model daya tindak serta model resiliensi dalam konteks stres, penyesuaian, dan adaptasi keluarga. Analisis tematik diterapkan untuk mengenal pasti tema-tema utama yang selari dengan objektif kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa ibu tunggal menghadapi cabaran utama dari segi ekonomi, penjagaan anak, stigma sosial, dan tekanan emosi, yang secara langsung menjejaskan kesejahteraan mereka, termasuk aspek ekonomi, masa dan hubungan dengan anak, serta kesan tekanan emosi. Beberapa

tema penting berkaitan strategi daya tindak ibu tunggal di Kuching turut dikenal pasti. Antaranya adalah mendapatkan sokongan sosial yang menyeluruh, memperkukuh kepercayaan kepada Tuhan, mengamalkan pendekatan doa secara konsisten, mengelakkan pemikiran berlebihan tentang masalah, dan menghadapi cabaran dengan pendekatan yang berani serta proaktif. Kajian ini memberikan sumbangan signifikan dalam pembentukan intervensi kerja sosial yang boleh dilaksanakan pada peringkat individu, kumpulan, dan komuniti untuk meningkatkan kesejahteraan ibu tunggal etnik Cina di Kuching, Sarawak. Akhirnya, limitasi kajian dan cadangan untuk penambahbaikan pada masa depan turut dibincangkan secara mendalam.

**COPING STRATEGIES AMONG CHINESE ETHNIC SINGLE MOTHER
IN KUCHING, SARAWAK TO OVERCOME LIFE CHALLENGES**

ABSTRACT

Single mothers face various challenges following the loss of a spouse, whether through death or divorce, which can potentially threaten their livelihood and social well-being. This study aims to identify the challenges faced by single mothers of Chinese ethnicity in Kuching, Sarawak; analyze the impact of these challenges on their well-being; examine the coping strategies used to overcome life difficulties; and propose appropriate social work interventions. A purposive sampling technique was employed, with inclusion criteria involving single mothers who are active members of the Single Mothers' Family Association, are Malaysian citizens, and are still supporting children under 18 years of age. Semi-structured interviews were conducted using a guided set of questions and electronic voice recorders to ensure data accuracy. Theoretical frameworks such as role theory, systems theory, needs theory, and resilience theory were applied to comprehensively discuss issues surrounding single mothers, supported by coping models and resiliency model of family stress, adjustment and adaptation. Thematic analysis was utilized to extract key themes aligned with the study's objectives. Findings reveal that single mothers encounter significant challenges in terms of economic stability, childcare, social stigma, and emotional stress, all of which profoundly affect their well-being, particularly in areas of financial security, time management, parent-child relationships, and emotional distress. Several important themes related to the coping strategies of single mothers in Kuching, Sarawak were identified, including seeking comprehensive social support,

strengthening faith in God, practicing consistent prayer, avoiding overthinking about problems, and confronting challenges with a bold and proactive approach. This study makes a significant contribution by shaping social work interventions that can be applied at individual, group, and community levels to enhance the well-being of single mothers of Chinese ethnicity in Kuching, Sarawak. Finally, the study discusses its limitations and offers recommendations for future research.

BAB 1

Pengenalan

1.1 Pendahuluan

Di Malaysia, ibu tunggal merujuk kepada wanita yang bertanggungjawab sepenuhnya dalam mengurus dan menyara anak-anak mereka selepas berlaku perceraian atau kematian suami. Tanpa sokongan suami, ibu tunggal sering menghadapi pelbagai cabaran yang signifikan, yang memberi kesan besar kepada kesejahteraan mereka dan anak-anak. Kajian ini bertujuan untuk memahami pelbagai bentuk cabaran yang dihadapi oleh ibu tunggal, khususnya mereka yang mengalami kematian suami atau perceraian, serta bentuk strategi yang boleh digunakan untuk mengatasi cabaran tersebut.

Ibu tunggal di Malaysia, seperti yang dinyatakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (n.d.), boleh dikategorikan sebagai wanita yang telah bercerai atau mengalami kematian suami. Kajian ini memberi tumpuan khusus kepada ibu tunggal etnik Cina di Kuching, Sarawak, yang berhadapan dengan kesan perceraian atau kematian suami. Tinjauan terhadap kajian lepas menunjukkan bahawa kedua-dua kategori ini sering berhadapan dengan cabaran sosioekonomi yang mendalam, seperti kehilangan sumber kewangan utama dan kesulitan dalam membesarkan anak-anak tanpa kehadiran suami. Menurut Zakaria dan Akhir (2019), ibu tunggal yang mengalami kematian suami mempunyai risiko yang lebih tinggi terhadap ketidakstabilan kewangan dan tekanan emosi. Sokongan holistik, termasuk dari segi emosi dan kewangan, adalah kritikal bagi membantu ibu tunggal menyesuaikan diri dengan tekanan hidup selepas kehilangan suami (Jabatan Pembangunan Wanita, n.d.).

Dalam konteks etnik Cina di Kuching, Sarawak, faktor budaya dan norma sosial memainkan peranan penting dalam mempengaruhi jenis dan tahap sokongan yang diterima oleh ibu tunggal. Kajian oleh Isahak et al. (2009) menekankan bahawa norma-norma budaya yang mendalam boleh mempengaruhi cara ibu tunggal menerima sokongan dari masyarakat sekeliling. Dalam beberapa kes, ibu tunggal mungkin menghadapi stigma sosial yang boleh memburukkan keadaan mereka (Khairunissa, 2023). Oleh itu, pemahaman yang mendalam tentang interaksi antara faktor budaya dan sokongan sosial adalah penting untuk memahami kesejahteraan ibu tunggal selepas berlakunya perceraian atau kematian (Zainun et al., 2019).

Kajian lepas menunjukkan bahawa terdapat peningkatan yang ketara dalam bilangan ibu tunggal di Malaysia, terutamanya di Kuching, Sarawak, yang memerlukan perhatian mendalam. Statistik menunjukkan bahawa bilangan ibu tunggal meningkat melebihi 35 peratus antara tahun 2009 dan 2013 (Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, 2021). Rekod Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak (JKMS) juga menunjukkan bahawa Kuching mempunyai bilangan ibu tunggal tertinggi berbanding dengan daerah lain seperti Sibu dan Miri (JKM, n.d.). Hal ini menggambarkan situasi yang memerlukan tindakan segera untuk memahami dan menangani cabaran yang dihadapi oleh ibu tunggal di kawasan tersebut.

Kajian lepas menunjukkan bahawa cabaran yang dihadapi oleh ibu tunggal bukan sahaja berkaitan dengan isu kewangan tetapi juga meliputi aspek sosial dan psikologi. Shukry et al. (2024) menyatakan bahawa ibu tunggal sering mempunyai pendapatan yang lebih rendah berbanding dengan keluarga yang mempunyai kedua-dua ibu bapa, dan ada antara mereka sukar memenuhi keperluan asas seperti perumahan, makanan, dan pendidikan. Kajian oleh Zakaria dan Yusof (2021) menambah bahawa ibu tunggal yang menghadapi perceraian atau kematian suami

berisiko tinggi terhadap kemiskinan. Ketidakstabilan kewangan ini semakin teruk dengan kos sara hidup yang tinggi dan akses terhadap perkhidmatan penjagaan kanak-kanak yang berpatutan (Nor & Anuwar, 2023). *United We Care* (2024) mencatatkan bahawa ketidakseimbangan antara kerja dan tanggungjawab penjagaan kanak-kanak menambah lagi bebanan kewangan yang dihadapi oleh ibu tunggal, khususnya mereka yang bekerja dalam sektor dengan gaji rendah yang kurang fleksibiliti.

Di samping cabaran kewangan, ibu tunggal juga sering berhadapan dengan stigma sosial yang mempengaruhi kesejahteraan emosi mereka. Zakaria dan Yusof (2024) menunjukkan bahawa stigma sosial terhadap ibu tunggal menyebabkan pengasingan dan kekurangan sokongan komuniti. Ahmad dan Ibrahim (2022) menyokong kenyataan ini dengan menambah bahawa stigma ini sering menghalang akses ibu tunggal kepada perkhidmatan sosial dan menyumbang kepada peningkatan masalah kesihatan mental, seperti tekanan dan kemurungan, yang telah dikaitkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN, 2024) dengan peningkatan risiko gangguan kesihatan mental. Dalam hal ini, kajian oleh Zakaria et al. (2018) menunjukkan bahawa intervensi yang bertujuan untuk mengurangkan stigma sosial perlu dilaksanakan bagi meningkatkan kesejahteraan psikologi ibu tunggal.

Kajian lepas juga menunjukkan bahawa ibu tunggal sering menghadapi cabaran psikologi yang berat (Shamsudin et al., 2023). Menurut kajian Zakaria et al. (2022), ibu tunggal yang kehilangan suami mengalami tahap kebimbangan dan tekanan yang lebih tinggi berbanding dengan wanita yang masih mempunyai suami. Selain itu, kajian oleh Hamdan dan Akhir (2022) menunjukkan bahawa faktor-faktor seperti sokongan sosial, keupayaan untuk mengurus emosi, dan akses kepada

perkhidmatan psikologi memainkan peranan penting dalam kesejahteraan mental ibu tunggal.

Anak-anak ibu tunggal juga terjejas oleh cabaran yang dihadapi oleh ibu mereka. Lim dan Tan (2023) mendapati bahawa ketidakstabilan kewangan dan tekanan emosi yang dialami oleh ibu tunggal mempunyai kesan negatif terhadap pencapaian pendidikan dan perkembangan sosial anak-anak. Kajian oleh Zakaria et al. (2018) menyoroti bahawa masalah emosi yang dihadapi oleh ibu tunggal dapat mempengaruhi keupayaan mereka untuk memberikan sokongan yang stabil kepada anak-anak. Nihayah (2023) menekankan bahawa anak-anak daripada keluarga ibu tunggal mungkin berhadapan dengan risiko yang lebih tinggi untuk mengalami kesulitan akademik dan tingkah laku, yang menunjukkan betapa pentingnya kesejahteraan ibu dalam membentuk perkembangan positif anak-anak. Menurut kajian oleh Abdullah et al. (2019), anak-anak daripada keluarga ibu tunggal menunjukkan prestasi yang lebih rendah dalam ujian akademik berbanding dengan rakan sebaya mereka dari keluarga dua ibu bapa, mencerminkan kesan jangka panjang daripada cabaran yang dihadapi oleh ibu tunggal.

Untuk mengatasi cabaran ini, kajian ini mencadangkan beberapa strategi berasaskan teori sistem (Dewi & Ginanjar, 2019) yang menekankan pentingnya interaksi antara faktor individu, keluarga, dan komuniti. Amin dan Rameli (2021) mencadangkan peningkatan bantuan kewangan dan pilihan penjagaan kanak-kanak yang lebih baik sebagai langkah penting. Inisiatif komuniti yang bertujuan untuk mengurangkan stigma sosial dan mempromosikan penyertaan sosial juga menjadi tumpuan (Wahab, 2010). Kementerian Perpaduan Negara (2022) menekankan perlunya pendekatan bersepadu yang melibatkan kerajaan, komuniti, dan badan bukan

kerajaan (NGO) untuk menyokong ibu tunggal dalam menghadapi cabaran yang dihadapi.

Pelbagai inisiatif kebajikan telah diperkenalkan oleh kerajaan untuk menyokong ibu tunggal yang menghadapi cabaran kewangan dan sosial. Sebagai contoh, program Bantuan Ibu Tunggal (BIT) di Sarawak, khususnya bagi mereka yang kehilangan suami akibat kematian atau perceraian, berjaya memberikan sokongan kewangan sementara yang kritikal (permohonan.my, n.d.). Kajian lepas menunjukkan bahawa ibu tunggal dalam kategori ini sering menghadapi kekangan kewangan yang serius, terutamanya dalam menyediakan keperluan pendidikan dan perbelanjaan asas anak-anak. Jabatan Kebajikan Masyarakat (n.d.) turut menekankan bahawa bantuan kebajikan perlu lebih disasarkan dan ditambah baik untuk memenuhi keperluan khusus ibu tunggal yang kehilangan punca pendapatan utama selepas kematian atau perceraian suami. Hal ini jelas menunjukkan keperluan penting bagi program kebajikan yang lebih responsif terhadap cabaran sosioekonomi ibu tunggal dalam konteks budaya dan geografi di Kuching, Sarawak.

Melalui pemahaman yang mendalam tentang realiti kehidupan ibu tunggal serta hasil kajian lepas yang menyokong isu-isu ini, kajian ini berusaha untuk merangka langkah-langkah yang lebih berkesan untuk menyokong mereka dalam menghadapi cabaran yang getir ini. Ini adalah satu langkah penting untuk memperkukuhkan kesejahteraan ibu tunggal dan anak-anak mereka, serta untuk membangunkan intervensi yang lebih relevan dalam konteks kebajikan sosial di Sarawak, Kuching. Kajian yang dilakukan dalam konteks ini akan memberikan sumbangan kepada pengetahuan sedia ada dan membantu pembuat dasar dalam merumuskan strategi yang lebih baik untuk menyokong ibu tunggal di negara ini.

1.2 Pernyataan Masalah

Di Malaysia, ibu tunggal diiktiraf sebagai wanita yang berdepan dengan pelbagai cabaran selepas perceraian atau kematian suami. Mengikut Zakaria et al. (2018), kategori utama ini merangkumi: (1) wanita yang telah bercerai dan mempunyai anak, serta (2) wanita yang kehilangan suami akibat kematian. Definisi ini menyoroti kesukaran khusus yang dihadapi oleh ibu tunggal selepas kehilangan punca pendapatan utama dan tanggungjawab utama dalam keluarga. Kajian oleh Ismail et al. (2023) menunjukkan bahawa ibu tunggal dalam situasi ini sering mengalami tekanan kewangan dan sosial yang signifikan. Mereka memerlukan sokongan yang lebih berkesan dan disesuaikan untuk mengatasi cabaran hidup yang timbul akibat perceraian atau kematian suami, yang memerlukan perhatian dalam program-program kebajikan dan bantuan kerajaan.

Di Sarawak, terutamanya di Kuching, terdapat peningkatan ketara dalam bilangan ibu tunggal. Data menunjukkan peningkatan lebih daripada 35 peratus dalam jumlah ibu tunggal antara tahun 2009 dan 2013 (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2014). Rekod Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak (JKMS) menunjukkan bahawa Kuching mempunyai bilangan ibu tunggal tertinggi berbanding dengan daerah lain seperti Sibu dan Miri (Zakaria et al., 2018). Fenomena ini menekankan keperluan mendalam untuk memahami dan menangani cabaran yang dihadapi oleh ibu tunggal di kawasan tersebut. Menurut Masri et al. (2018), peningkatan ini sering kali disertai dengan kesukaran dalam memenuhi keperluan asas dan meningkatkan kesedihan yang mendalam akibat kehilangan suami.

Bantuan Kanak-Kanak (BKK) merupakan salah satu inisiatif utama yang disediakan oleh kerajaan Malaysia untuk menyokong golongan yang memerlukan, termasuk ibu tunggal yang mempunyai anak yang bersekolah (JKM, n.d.). BKK direka

untuk membantu keluarga yang menghadapi kesulitan kewangan, khususnya selepas kematian atau perceraian suami. Kajian oleh Isahak et al. (2009) menunjukkan bahawa peningkatan penerima BKK mencerminkan keperluan yang mendalam dalam kalangan ibu tunggal untuk sokongan kewangan tambahan. Walaupun BKK adalah langkah positif, kajian oleh Shukry et al. (2024) dan Muhsin et al. (2024) mendapati bahawa bantuan ini sering tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan asas seperti makanan, tempat tinggal, dan pendidikan anak-anak.

Hal ini menunjukkan perlunya penyesuaian dan peningkatan dalam program BKK untuk lebih responsif terhadap cabaran kewangan dan sosial yang dihadapi oleh ibu tunggal selepas kehilangan suami sama ada disebabkan kematian atau perceraian. Menurut data terbaru oleh Suruhanjaya Hak Asasi Malaysia (SUHAKAM, 2023) dan *The Star* (2022), terdapat peningkatan dalam jumlah penerima BKK, menandakan bahawa sokongan kewangan yang lebih baik diperlukan untuk menangani kesukaran kumpulan sasar termasuk ibu tunggal dalam situasi ini.

Walaupun terdapat pelbagai bentuk bantuan kewangan yang disediakan, ibu tunggal etnik Cina di Kuching, Sarawak, menghadapi cabaran yang kompleks dan saling berkaitan selepas kematian atau perceraian suami. Kajian oleh Zakaria et al. (2019) menunjukkan bahawa cabaran ini termasuk kesukaran dalam mendapatkan bantuan yang mencukupi serta impak negatif terhadap kesejahteraan mental dan fizikal mereka. Isu-isu ini merangkumi kekurangan sokongan kewangan yang memadai, kesukaran dalam memenuhi keperluan asas seperti makanan dan tempat tinggal, serta tekanan dalam menyediakan pendidikan dan penjagaan anak-anak. Selain itu, strategi daya tindak yang digunakan oleh ibu tunggal untuk mengatasi cabaran ini juga penting, seperti sokongan sosial dari keluarga dan komuniti serta usaha peribadi untuk mencari sumber pendapatan tambahan.

Satu kajian oleh Khairudin dan Siti (2022) menggariskan bahawa sokongan emosi dari keluarga dan kawan-kawan sangat penting untuk kesejahteraan ibu tunggal. Mereka yang mempunyai jaringan sokongan yang kuat cenderung untuk mengatasi tekanan dengan lebih baik (Zakaria et al., 2018). Namun, bagi kebanyakan ibu tunggal, terutama yang berdepan dengan stigma sosial, membina jaringan sokongan ini adalah suatu cabaran. Stigma masyarakat terhadap ibu tunggal, terutamanya di kalangan etnik tertentu, boleh menghalang mereka daripada mendapatkan sokongan yang diperlukan, sekali gus menambah kesulitan yang dihadapi oleh mereka (Khairunissa, 2023).

Penting juga untuk meneliti cara ibu tunggal menggunakan strategi daya tindak dalam menghadapi kesukaran yang dialami oleh mereka. Kajian oleh Isahak et al. (2009) menekankan pelbagai cara yang digunakan oleh ibu tunggal untuk mengatasi tekanan, termasuk mengubah cara berfikir tentang situasi mereka, mencari bantuan profesional, dan menceburkan diri dalam aktiviti komuniti. Zakaria et al. (2018) menambah bahawa pendidikan dan latihan yang diberikan kepada ibu tunggal juga membantu mereka memperoleh kemahiran baru yang boleh meningkatkan peluang pekerjaan dan kualiti hidup mereka.

Di samping itu, pemahaman yang lebih mendalam tentang pengalaman ibu tunggal di Kuching, Sarawak, terutamanya dalam konteks budaya dan sosial, adalah penting untuk merumuskan intervensi yang lebih baik. Kajian Isahak et al. (2009) menyatakan bahawa faktor budaya seperti norma dan nilai masyarakat dapat mempengaruhi cara ibu tunggal diperlakukan dan sokongan yang diterima oleh mereka. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk memahami dan menganalisis masalah ini secara mendalam, termasuk kesan negatif yang timbul akibat kematian atau perceraian suami, serta kaedah ibu tunggal menyesuaikan diri untuk mengatasi cabaran melalui pelbagai strategi daya tindak yang berbeza. Dengan pemahaman yang lebih mendalam

tentang isu-isu ini, kajian ini berharap dapat memberikan sumbangan yang signifikan dalam pembangunan dasar dan program yang lebih efektif bagi menyokong ibu tunggal di Malaysia, terutamanya di Kuching, Sarawak. Ini termasuk merumuskan cadangan yang dapat meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan mereka melalui sokongan yang lebih holistik bersesuaian dengan keperluan sebenar mereka.

1.3 Persoalan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menjawab beberapa persoalan utama seperti berikut:

1. Apakah jenis cabaran utama yang dihadapi oleh ibu tunggal etnik Cina di Kuching, Sarawak?
2. Adakah cabaran tersebut mempengaruhi kesejahteraan hidup ibu tunggal etnik Cina di Kuching, Sarawak?
3. Bagaimanakah strategi daya tindak yang digunakan oleh ibu tunggal etnik Cina di Kuching, Sarawak untuk mengatasi cabaran kehidupan?

1.4 Objektif Kajian

Secara khusus, objektif kajian ini adalah:

1. Mengenal pasti bentuk cabaran yang dihadapi oleh ibu tunggal etnik Cina di Kuching, Sarawak.
2. Menganalisis kesan cabaran tersebut terhadap kesejahteraan hidup ibu tunggal etnik Cina di Kuching, Sarawak.
3. Menganalisis bentuk strategi daya tindak yang digunakan oleh ibu tunggal etnik Cina di Kuching, Sarawak untuk mengatasi cabaran kehidupan.
4. Mencadangkan bentuk intervensi kerja sosial untuk meningkatkan kesejahteraan hidup ibu tunggal etnik Cina di Kuching, Sarawak.

1.5 Signifikan Kajian

1.5.1 Praktis Kerja Sosial

Praktis kerja sosial bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan individu, keluarga, dan masyarakat secara keseluruhan. Dalam konteks kajian ini, amalan kerja sosial digunakan untuk mengidentifikasi secara mendalam bentuk-bentuk cabaran yang dihadapi oleh ibu tunggal serta kesan cabaran tersebut terhadap kesejahteraan hidup mereka. Kajian ini bertujuan untuk memberi panduan yang lebih jelas kepada pekerja sosial mengenai strategi daya tindak yang berkesan dalam membantu ibu tunggal menangani cabaran mereka. Pengetahuan ini penting dalam menentukan situasi dan merancang pelan tindakan yang sesuai, yang akan memperbaiki pelaksanaan intervensi.

Menurut Zakaria et al. (2018), ibu tunggal sering berdepan dengan pelbagai cabaran seperti isu kewangan, kekurangan sokongan sosial, dan kesulitan dalam memenuhi keperluan asas seperti makanan dan pendidikan anak-anak. Walaupun ibu tunggal bergantung pada bantuan kewangan yang disediakan, jumlah bantuan tersebut sering tidak mencukupi untuk memenuhi semua keperluan mereka. Stack dan Meredith (2018) menegaskan bahawa memahami cabaran ini secara mendalam adalah penting untuk merancang intervensi yang sesuai, manakala Joseph et al. (2023) menunjukkan bahawa pendekatan berasaskan komuniti adalah kunci untuk meningkatkan kesejahteraan ibu tunggal. Aziz (2022) pula menyoroti bahawa pendekatan berasaskan komuniti adalah kunci untuk meningkatkan kesejahteraan hidup ibu tunggal. Tambahan pula, kajian oleh Saleh et al. (2022) menyoroti keperluan untuk program sokongan yang holistik bagi ibu tunggal.

Kajian oleh Said et al. (2023) juga menekankan kepentingan strategi sokongan yang lebih terarah dan khusus untuk meningkatkan keberkesanan program bantuan

kepada ibu tunggal. Dengan mengintegrasikan penemuan kajian ini dalam praktis kerja sosial, pekerja sosial dapat merancang dan melaksanakan program intervensi yang lebih berkesan. Penemuan kajian ini memberikan panduan praktikal mengenai penyediaan sokongan kewangan dan sosial yang mencukupi serta pelan tindakan yang menyeluruh untuk meningkatkan kesejahteraan ibu tunggal etnik Cina di Kuching, Sarawak. Melalui penggunaan pengetahuan ini, pekerja sosial dapat memperbaiki kualiti intervensi mereka dan memberikan sokongan yang lebih baik kepada ibu tunggal, seterusnya menyumbang kepada pembangunan masyarakat yang lebih inklusif dan berdaya saing.

1.5.2 Golongan Sasaran

Kajian ini memberikan sumbangan yang signifikan dalam memahami cabaran yang dihadapi oleh ibu tunggal etnik Cina di Kuching, Sarawak, dengan mendalami aspek latar belakang sosio-ekonomi yang berbeza. Kajian lepas menunjukkan bahawa ibu tunggal sering menghadapi pelbagai bentuk cabaran, termasuk kekurangan sokongan kewangan, kesulitan dalam mendapatkan pekerjaan, serta isu-isu berkaitan dengan pendidikan dan penjagaan anak (Bashir et al., 2022; Dharani & Balamurugan, 2024). Kajian ini akan memfokuskan pada aspek-aspek ini untuk memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai kesan cabaran tersebut terhadap kesejahteraan hidup ibu tunggal di Kuching, Sarawak.

Tambahan lagi, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti strategi daya tindak yang telah terbukti berkesan dalam menangani cabaran kehidupan, seperti yang ditunjukkan dalam kajian oleh Rose dan Mustaffa (2018). Contohnya, kajian oleh Zakaria et al. (2018) menunjukkan bagaimana program latihan kemahiran dan sokongan komuniti dapat meningkatkan peluang pekerjaan dan kestabilan kewangan

ibu tunggal. Dengan mengintegrasikan penemuan ini, kajian ini diharapkan dapat memperkasakan ibu tunggal dengan menyediakan mereka dengan pengetahuan dan alat yang diperlukan untuk mengatasi cabaran dengan lebih efektif. Ini secara tidak langsung dapat memperkasakan ibu tunggal untuk mengatasi pelbagai cabaran kehidupan dengan lebih tabah melalui pelbagai strategi daya tindak yang diamalkan oleh mereka.

1.5.3 Pembentukan Polisi

Kajian ini memainkan peranan penting dalam memperluas bentuk bantuan dan program pembangunan yang sedia ada, serta memperbaiki sokongan yang diberikan kepada ibu tunggal. Dengan mengidentifikasi cabaran dan keperluan khusus ibu tunggal, hasil kajian ini dapat memberikan panduan yang berharga untuk merumuskan polisi yang lebih adil dan berkesan. Pembentukan polisi yang menyeluruh dan inklusif memerlukan penglibatan pihak berkepentingan, termasuk kementerian dan agensi sosial.

Sebagai contoh, kajian oleh Zainudin et al. (2015) menunjukkan bagaimana penambahbaikan dalam dasar bantuan sosial di beberapa kawasan telah meningkatkan akses kepada perkhidmatan sokongan dan bantuan kewangan. Kajian ini akan menyediakan asas data yang kuat untuk merancang intervensi yang lebih tepat dan berkesan, memastikan bahawa bentuk bantuan dan program yang diperkenalkan benar-benar memenuhi keperluan ibu tunggal. Sumbangan kajian ini juga akan membantu dalam mengasaskan dasar sosial yang lebih responsif dan sesuai dengan situasi sebenar ibu tunggal, dengan tujuan untuk meningkatkan kesejahteraan hidup mereka secara keseluruhan.

1.5.4 Masyarakat

Kajian ini penting dalam meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai tanggungjawab kolektif dalam menyokong ibu tunggal. Bantuan kepada ibu tunggal bukanlah tanggungjawab eksklusif kerajaan, tetapi memerlukan penglibatan aktif semua lapisan masyarakat. Dengan menerbitkan hasil kajian ini kepada umum, kita dapat menghapuskan stigma negatif dan prejudis yang sering kali dihadapi oleh ibu tunggal. Kajian ini berpotensi untuk membuka ruang perbincangan mengenai cabaran yang dihadapi oleh ibu tunggal etnik Cina di Kuching, Sarawak, memberikan pandangan yang lebih jelas mengenai impak cabaran tersebut terhadap kesejahteraan hidup mereka.

Kajian oleh Mohamad et al. (2024) menunjukkan bagaimana program kesedaran masyarakat dan inisiatif penyertaan komuniti dapat mengurangkan stigma dan meningkatkan sokongan sosial untuk ibu tunggal. Di samping itu, kajian ini juga berfungsi untuk mengenal pasti langkah-langkah berkesan yang boleh diambil oleh masyarakat untuk membantu ibu tunggal dalam menangani cabaran yang dihadapi oleh mereka. Ini bertepatan dengan kajian-kajian lepas yang menekankan pentingnya sokongan komuniti dalam meningkatkan kualiti hidup ibu tunggal (Ismail et al., 2023; Zakaria et al., 2018).

1.6 Rumusan

Bab ini memberikan gambaran menyeluruh tentang kajian dengan membincangkan pendahuluan, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, dan signifikan kajian. Dengan struktur ini, pembaca dapat memahami konteks kajian dan justifikasi pentingnya kajian tersebut. Kajian ini menekankan kepentingan memahami cabaran yang dihadapi oleh ibu tunggal melalui analisis kajian lepas yang

relevan, serta bagaimana kajian ini boleh menambah pengetahuan sedia ada dalam bidang ini.

Bab 2 akan mengkaji kajian lepas yang berkaitan dan mengembangkan kerangka teori serta kerangka konsep yang diperlukan. Ini memberikan asas teori yang kukuh untuk kajian dengan merangkumi aspek-aspek seperti bentuk cabaran, kesan terhadap kesejahteraan hidup, dan strategi daya tindak. Kajian lepas akan membantu dalam merangka hipotesis dan teori yang mendasari kajian ini, serta menjelaskan bagaimana teori-teori yang relevan dapat digunakan untuk memahami fenomena yang dikaji (Azis, 2023).

Bab 3 akan membincangkan metodologi kajian yang terperinci, termasuk reka bentuk kajian, lokasi, populasi, dan sampel. Penjelasan mengenai kaedah pengumpulan data dan analisis data adalah kritikal untuk memastikan ketelitian dan kebolehpercayaan kajian. Metodologi yang digunakan akan memastikan bahawa data yang dikumpulkan adalah relevan dan dapat diinterpretasikan dengan betul, mematuhi standard etika bagi kajian yang ketat (Hua, 2016).

Seterusnya, Bab 4 akan membahas proses penginterpretasian data dengan membentuk tema dan sub-tema yang berkaitan dengan objektif kajian. Analisis data ini akan menunjukkan corak, trend, dan hubungan antara pembolehubah, memberikan pandangan yang mendalam tentang hasil kajian. Analisis ini akan melibatkan kajian kes dan data terkini yang relevan untuk memberikan perspektif yang komprehensif mengenai cabaran yang dihadapi oleh ibu tunggal (West et al., 2016).

Bab 5, sebagai bab terakhir, akan merumuskan dapatan kajian, menjelaskan hasil analisis data, dan mengaitkan dengan persoalan kajian dan objektif yang telah ditetapkan. Ia akan membincangkan sumbangan kajian ini kepada pengetahuan dalam bidang yang berkaitan, termasuk potensi aplikasi dalam konteks praktikal. Selain

daripada itu, bab ini juga akan mengenal pasti limitasi kajian dan memberikan cadangan untuk kajian masa depan. Ini adalah penting untuk mengembangkan pengetahuan dan mengatasi sebarang kelemahan dalam kajian ini, serta membuka ruang untuk kajian lanjut yang dapat memperdalam pemahaman tentang isu yang dikaji.

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Bab ini memberikan ulasan komprehensif mengenai kajian-kajian terdahulu yang meneliti cabaran yang dihadapi oleh ibu tunggal akibat kematian suami atau perceraian. Penulisan ini berkaitan rapat dengan persoalan kajian dan objektif yang telah ditetapkan, serta menyediakan asas yang kukuh untuk memahami isu-isu yang dihadapi berdasarkan penemuan kajian lepas. Dalam bahagian ini, penekanan diberikan kepada definisi ibu tunggal, pelbagai cabaran yang dihadapi oleh golongan tersebut khususnya disebabkan oleh kematian dan perceraian, impak cabaran tersebut terhadap kesejahteraan mereka, dan strategi yang digunakan oleh mereka untuk mengatasi cabaran tersebut.

2.2 Kesejahteraan Hidup Ibu Tunggal

Kesejahteraan hidup ibu tunggal yang menghadapi kematian suami atau perceraian adalah isu yang kompleks, dengan kesan mendalam terhadap kesejahteraan fizikal, mental, dan sosial mereka. Ibu tunggal dalam kedua-dua situasi ini berdepan dengan cabaran yang signifikan. Salah satu kajian di luar negara menekankan bahawa ibu tunggal akibat kematian suami sering mengalami tekanan kewangan yang berat dan kehilangan sokongan emosi, yang boleh menyebabkan kesulitan dalam pengurusan tanggungjawab harian mereka (Herdiana, 2020). Kajian lain di Eropah oleh Zainun et al. (2019) menunjukkan bahawa ibu tunggal yang bercerai menghadapi masalah dalam menyeimbangkan tanggungjawab penjagaan anak dan kestabilan kewangan kesan daripada pembahagian aset dan nafkah.

Di Malaysia, kajian oleh Zakaria et al. (2018) menunjukkan bahawa ibu tunggal akibat kematian suami mengalami kesulitan dalam menyeimbangkan tanggungjawab kewangan dan emosi tanpa sokongan suami. Kajian tempatan oleh Isahak et al. (2009) pula menunjukkan ibu tunggal yang bercerai berdepan dengan cabaran menguruskan hak penjagaan anak dan isu nafkah. Perkara inilah menambahkan beban emosi dan kewangan mereka. Kajian Ahmad dan Ibrahim (2022) juga mengesahkan bahawa konflik berterusan berkaitan hak penjagaan anak memberi kesan negatif terhadap kesejahteraan mental ibu tunggal yang telah bercerai.

Perbandingan antara kajian luar negara dan Malaysia menunjukkan beberapa persamaan dan perbezaan dalam cabaran yang dihadapi oleh ibu tunggal. Satu kajian di luar negara oleh Muhsin dan Lukman (2023) menunjukkan bahawa sokongan sistemik seperti bantuan kewangan dan program sokongan sosial adalah penting untuk meningkatkan kesejahteraan ibu tunggal. Kajian oleh Eza (2020) dan Mysumber.com (2020) di Malaysia juga menegaskan perlunya program sokongan yang disasarkan untuk membantu ibu tunggal mengatasi tekanan kewangan dan emosi.

Walaupun ibu tunggal di luar negara dan Malaysia mengalami cabaran yang serupa, pendekatan intervensi dan sokongan mungkin berbeza. Contohnya, sokongan daripada komuniti dan keluarga di Malaysia sering memainkan peranan yang lebih besar berbanding dengan sistem sokongan formal yang lebih berkembang di negara-negara barat. Oleh itu, penilaian menyeluruh terhadap sokongan sistematik serta intervensi yang berkesan adalah amat penting bagi meningkatkan kualiti hidup ibu tunggal yang terjejas akibat kehilangan suami melalui kematian atau perceraian.

Kesimpulannya, memahami cabaran yang dihadapi oleh ibu tunggal akibat kematian suami dan perceraian memerlukan pendekatan yang menyeluruh dan perbandingan pada peringkat antarabangsa untuk merangka dasar dan amalan yang

dapat memenuhi keperluan khusus mereka. Kajian ini memberikan gambaran yang lebih jelas tentang isu-isu yang dihadapi oleh ibu tunggal dan menekankan kepentingan sokongan yang berkesan untuk meningkatkan kesejahteraan mereka secara menyeluruh.

2.3 Bentuk Cabaran yang dihadapi oleh Ibu Tunggal

2.3.1 Cabaran Ekonomi

Di negara-negara maju seperti Sweden dan Jerman, ibu tunggal menerima sokongan kewangan dan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak yang berkualiti melalui sistem kesejahteraan sosial yang komprehensif. Kajian oleh Isahak et al. (2009) menunjukkan bahawa bantuan kewangan yang mencukupi dan akses kepada perkhidmatan penjagaan yang baik membantu mengurangkan kesan negatif cabaran ekonomi terhadap ibu tunggal. Sebaliknya, di negara-negara berkembang seperti India dan Indonesia, kekurangan sistem sokongan sosial menyebabkan ibu tunggal berdepan dengan cabaran ekonomi yang ketara. Selain itu, Zakaria et al. (2018) melaporkan bahawa kekurangan bantuan kewangan dan perkhidmatan asas meningkatkan risiko kemiskinan dan kesukaran hidup di kalangan ibu tunggal.

Di Malaysia, ibu tunggal sering menghadapi kesulitan dalam menguruskan kewangan peribadi disebabkan oleh kos sara hidup yang tinggi dan pendapatan yang terhad. Ibu tunggal yang kehilangan suami akibat kematian atau mengalami perceraian sering berhadapan dengan beban kewangan yang berat disebabkan oleh kos penjagaan anak yang tinggi dan pendapatan yang tidak stabil (Sari et al., 2019). Azmi (2023) menyatakan bahawa inflasi dan kos sara hidup yang meningkat memburukkan keadaan kewangan ibu tunggal hingga terdedah kepada isu kemiskinan. Pergantungan kepada bantuan sosial merupakan cabaran ketara bagi ibu tunggal yang kehilangan suami

akibat kematian atau perceraian, kerana mereka sering menghadapi cabaran birokrasi dan kekurangan sumber yang memburukkan lagi keadaan mereka (Mokodompit, 2020).

Perbandingan antara negara maju dan Malaysia menunjukkan bahawa negara maju seperti Sweden dan Jerman mempunyai sistem sokongan yang lebih baik dan lebih menyeluruh, serta mengurangkan cabaran ekonomi yang dihadapi oleh ibu tunggal. Sebaliknya, di Malaysia, walaupun terdapat bantuan sosial, kekurangan dalam sistem sokongan dan kos tinggi masih menyebabkan ibu tunggal menghadapi kesukaran kewangan yang ketara. Negara-negara berkembang seperti India dan Indonesia menunjukkan cabaran ekonomi yang dihadapi ibu tunggal adalah lebih parah disebabkan oleh kekurangan sistem sokongan sosial dan bantuan kewangan.

2.3.2 Cabaran Penjagaan Utama Anak

Di negara-negara maju, seperti Sweden dan Jerman, sistem kesejahteraan sosial yang komprehensif menyediakan sokongan kewangan dan subsidi perumahan, serta akses kepada penjagaan kanak-kanak berkualiti. Kementerian Kewangan (2024) menunjukkan bahawa sistem sokongan ini membantu ibu tunggal untuk menyediakan penjagaan yang berkualiti kepada anak-anak mereka. Sebaliknya, di negara-negara berkembang seperti India dan Indonesia, kekurangan sistem sokongan sosial sering menyebabkan ibu tunggal menghadapi cabaran dalam mendapatkan penjagaan kanak-kanak yang berkualiti, seperti yang dilaporkan oleh Effendi dan Usman (2023).

Di Malaysia, ibu tunggal sering mengalami cabaran dalam aspek kewangan, masa, dan psikologi ketika menjaga anak-anak mereka. Kos penjagaan kanak-kanak yang tinggi merupakan halangan utama bagi ibu tunggal, kerana mereka sering tidak mampu membayar yuran pusat jagaan kanak-kanak akibat beban kewangan yang berat

(Ismail et al., 2023). Ketiadaan masa disebabkan oleh keperluan bekerja dalam pekerjaan bergaji rendah juga merupakan cabaran yang ketara, seperti yang dinyatakan oleh Zakaria et al. (2019). Tekanan emosi akibat tanggungjawab berganda mempengaruhi kualiti penjagaan utama anak, seperti yang dilaporkan oleh Fatimah (2018).

Perbandingan menunjukkan bahawa negara maju seperti Sweden dan Jerman menyediakan lebih banyak sokongan dalam aspek kewangan dan penjagaan kanak-kanak berkualiti, serta mengurangkan cabaran yang dihadapi oleh ibu tunggal dalam penjagaan anak. Di Malaysia, walaupun terdapat sokongan seperti bantuan kewangan daripada kerajaan dan NGO, kos penjagaan anak yang tinggi serta ketiadaan masa masih menjadi cabaran utama bagi ibu tunggal yang kehilangan suami akibat kematian atau mengalami perceraian. Di negara-negara berkembang seperti India dan Indonesia, kekurangan sistem sokongan sosial memperburuk cabaran dalam penjagaan anak, menjadikannya lebih sukar bagi ibu tunggal untuk menyediakan penjagaan yang berkualiti.

2.3.3 Cabaran Tuntutan Nafkah

Di negara maju, seperti Sweden dan Jerman, sistem undang-undang yang lebih menyokong dan subsidi sosial membantu mengurangkan cabaran dalam tuntutan nafkah. Kajian oleh Salam et al. (2020) menunjukkan bahawa sokongan sosial dan sistem keadilan yang baik memudahkan proses tuntutan nafkah dan mengurangkan beban ibu tunggal. Sebaliknya, di negara-negara berkembang seperti India dan Indonesia, kekurangan sistem sokongan sosial dan sistem perundangan yang lemah memperburuk cabaran dalam tuntutan nafkah, seperti yang dilaporkan oleh Dharani & Balamurugan (2024).

Di Malaysia, ibu tunggal sering menghadapi cabaran dalam proses undang-undang untuk tuntutan nafkah disebabkan prosedur mahkamah yang rumit dan kos yang tinggi menjadi halangan utama terhadap masalah ini (Mohamad et al., 2021). Kewangan juga merupakan cabaran besar, dengan kos guaman dan yuran mahkamah menambah beban kewangan ibu tunggal (Eza, 2018). Selain itu, stigma sosial terhadap ibu tunggal sering menyebabkan isolasi sosial, yang menambah tekanan perasaan mereka (Simamora & Lidiawati, 2023).

Perbandingan menunjukkan bahawa negara maju seperti Sweden dan Jerman mempunyai sistem sokongan undang-undang dan sosial yang lebih baik untuk memudahkan proses tuntutan nafkah dan mengurangkan beban ibu tunggal (Garfinkel & Sørensen, 1982). Di Malaysia, walaupun terdapat beberapa sokongan, cabaran dalam proses undang-undang dan kos masih ketara dihadapi oleh ibu tunggal (Endut et al., 2015). Kekurangan sistem sokongan sosial dan undang-undang adalah cabaran dalam tuntutan nafkah hingga menjadikannya lebih sukar kepada ibu tunggal untuk mendapatkan hak mereka terutama di negara-negara berkembang seperti India dan Indonesia (Maureen, 2015).

2.3.4 Cabaran Tekanan Perasaan

Di negara-negara maju, sistem sokongan sosial yang baik, termasuk bantuan kewangan dan perkhidmatan kesihatan mental, membantu mengurangkan tekanan perasaan ibu tunggal. Kajian oleh Zakaria et al. (2024) menunjukkan bahawa sokongan sosial yang mencukupi dapat mengurangkan tekanan perasaan dan meningkatkan kesejahteraan mental ibu tunggal. Sebaliknya, di negara-negara sedang membangun seperti Indonesia dan India, kekurangan sistem sokongan sosial dan stigma sosial yang

kuat sering memberikan kesan negatif iaitu tekanan perasaan terhadap ibu tunggal (Purti et al., 2021; Dharani & Balamurugan, 2024).

Di Malaysia, ibu tunggal sering mengalami tekanan emosi dan mental yang tinggi selepas kehilangan suami atau perceraian. Kajian oleh Yahya dan Sham (2020) menunjukkan bahawa trauma emosi dan kebimbangan boleh menyebabkan kemurungan yang berpanjangan jika tidak disokong dengan baik. Stigma sosial terhadap ibu tunggal juga menyebabkan mereka merasa terasing, dan menambah tekanan perasaan (Elmira, 2022). Kekurangan sokongan sosial daripada keluarga dan komuniti memperburuk keadaan emosi mereka (Saleh et al., 2022).

Perbandingan menunjukkan bahawa negara maju mempunyai sistem sokongan sosial dan kesihatan mental yang lebih baik, mengurangkan tekanan perasaan ibu tunggal. Di Malaysia, walaupun terdapat sokongan, stigma sosial dan kekurangan sokongan sosial masih menjadi cabaran utama dalam kalangan ibu tunggal. Negara-negara membangun lain seperti Bangladesh dan Filipina menunjukkan kekurangan sokongan sosial serta stigma sosial yang kuat sering meningkatkan cabaran tekanan perasaan yang dihadapi oleh ibu tunggal yang kehilangan suami akibat kematian atau mengalami perceraian hingga menyukarkan mereka untuk mendapatkan bantuan yang diperlukan (Unicef, 2023).

2.4 Kesan Cabaran yang Dihadapi oleh Ibu Tunggal terhadap Kesejahteraan Hidup Mereka

2.4.1 Cabaran Ekonomi

Di peringkat antarabangsa, Sahib (2018) mendapati bahawa ibu tunggal yang bercerai atau kehilangan suami kerap berhadapan dengan masalah kewangan yang serius akibat daripada kehilangan pendapatan tetap. Kajian oleh Yusoff (2016)

menunjukkan bahawa tanpa sokongan nafkah yang mencukupi, ibu tunggal sering kali terpaksa bergantung kepada bantuan kebajikan, yang tidak selalu memadai untuk menampung kehidupan seharian di negara-negara maju seperti UK dan Australia.

Kajian tempatan oleh Zainun et al. (2019) menunjukkan situasi yang serupa di Malaysia, iaitu ibu tunggal yang menghadapi perceraian atau kematian suami sering kali tidak dapat memenuhi keperluan asas mereka. Sebahagian besar ibu tunggal di Malaysia, terutamanya yang kehilangan suami akibat kematian atau melalui perceraian, berada di bawah garis kemiskinan, terutama di kawasan luar bandar, kerana akses kepada pekerjaan yang berpendapatan tinggi adalah terhad (Unicef, 2024).

Antara Malaysia dan negara-negara maju, walaupun cabaran ekonomi adalah universal, ibu tunggal di Malaysia lebih cenderung menghadapi kesukaran jangka panjang akibat kurangnya sokongan sosial dan sistem kebajikan yang lemah. Kajian Zakaria et al. (2018) mengesahkan bahawa ibu tunggal di negara maju sering mendapat manfaat daripada jaringan kebajikan yang lebih baik, berbanding dengan ibu tunggal di Malaysia yang menghadapi kesukaran akibat kematian suami atau perceraian.

2.4.2 Cabaran Penjagaan Utama Anak

Kajian oleh Zainun et al. (2019) menunjukkan bahawa di negara seperti Australia dan Kanada, ibu tunggal menghadapi cabaran besar dalam menjaga anak-anak, terutamanya dari segi masa dan kewangan. Tekanan penjagaan anak sering kali menyebabkan ibu tunggal berasa terasing kerana kurangnya masa untuk diri sendiri dan tekanan sosial untuk menjadi penjaga utama.

Di Malaysia, Mohamed et al. (2018) mendapati bahawa cabaran penjagaan utama anak bagi ibu tunggal adalah lebih ketara kerana kekurangan sokongan komuniti dan keluarga. Shamsudin et al. (2023) menunjukkan bahawa ibu tunggal sering kali

mengalami masalah kesihatan mental seperti kemurungan dan kebimbangan akibat beban penjagaan yang ditanggung seorang diri, tanpa sokongan suami atau keluarga terdekat.

Kajian menunjukkan bahawa ibu tunggal di Malaysia mempunyai lebih sedikit sumber untuk menguruskan cabaran penjagaan anak berbanding negara maju yang lain. Walaupun negara maju seperti Kanada menyediakan sokongan kerajaan yang lebih baik dalam bentuk subsidi penjagaan anak, ibu tunggal di Malaysia yang kehilangan suami akibat kematian atau mengalami perceraian sering kali terpaksa menguruskan segala aspek kehidupan anak mereka tanpa bantuan kewangan dan sokongan sosial yang mencukupi (*Government of Canada, 2024; Mustaffa, 2024*). Situasi ini menambah beban kepada mereka kerana ia cabaran untuk menyeimbangkan keperluan anak dan tanggungjawab harian yang semakin sukar (Smith, 2023).

2.4.3 Cabaran Tuntutan Nafkah

Kajian di Amerika Syarikat oleh Isahak et al. (2009) menunjukkan bahawa tuntutan nafkah adalah salah satu cabaran terbesar bagi ibu tunggal. Masalah sering timbul apabila bekas suami enggan membayar nafkah, menyebabkan ibu tunggal perlu mengambil tindakan undang-undang yang panjang dan menampung kos perkhidmatan guaman yang mahal. Kajian Azlan et al. (2022) di China pula menunjukkan bahawa sistem perundangan yang tidak ketat menyebabkan ramai ibu tunggal sukar mendapatkan nafkah yang wajar.

Di Malaysia, Berita Harian (2024) melaporkan bahawa cabaran nafkah juga menjadi isu besar disebabkan proses undang-undang yang lambat dan sukar hingga ibu tunggal yang kehilangan suami akibat kematian atau mengalami perceraian tidak memperoleh sokongan kewangan yang sepatutnya. Masalah ini amat ketara dalam